

JAGA ETIKA, JAGA ADAB!

ZARAH MENZARAHIL. ACARA WAJIB SAAT TIBANYA HARI RAYA. SELAIN MENJAMU SELERA. ACARA ITU JUGA BOLEH DIMANFAATKAN DENGAN SEPENUHNYA UNTUK MEMOHON KEMAAFAN DAN MERAPATKAN LAGI SILATURRAHIM.

Untuk itu, didiklah anak anda untuk memahami kepentingan adab itu dengan mendidik mereka tentang adab-adab yang perlu dipraktikkan tatkala berkunjung ke rumah sanak-saudara. Antaranya:

1

ADAB BERJABAT TANGAN

Merupakan sunah Rasulullah s.a.w. berjabat tangan merupakan amalan untuk menyatakan perasaan kasih, hormat dan kegembiraan. Selain itu, bersalam juga lambang memohon maaf. Jadi, anak-anak perlu diajar untuk bersalaman memohon maaf kepada rakan-rakan serta sanak saudara yang dikunjungi.

2

ADAB MEMPERKENALKAN DIRI

Selain bersalam, ibu bapa juga perlu mendidik anak mereka agar memperkenalkan diri sebelum masuk bertandang. Ajar anak agar memperkenalkan diri mereka dengan tertib dan berhemah bukannya secara menjerit atau mengada-ada. Budaya memperkenalkan diri dapat mengelakkan sebarang bentuk lynch, perasaan kurang senang atau salah faham tuan rumah terhadap kunjungan tersebut.

3

ADAB MEMBERI SALAM

Basakan anak untuk memberi salam dengan tertib. Etika moral ini merupakan citra kepada akhlak mulia yang menjadi lambang kesantunan diri ketika berjumpa atau berkunjung ke rumah jiran tetangga, sanak-saudara dan sahabat-handai. Didik anak agar meninggalkan budaya hai atau hello ketika berjumpa orang dengan mengajar mereka mengucapkan salam yang mengandungi doa kasih sayang dan perlindungan.

4

ADAB MEMINTA IZIN

Ajar anak untuk meminta izin sebelum masuk ke dalam rumah orang. Mintalah mereka tertib dan sopan, bukannya dengan meninggikan suara atau menjem-jem lungek dari pada tuan rumah sebelum masuk, jangan sesekali meredah masuk kerana itu merupakan perbuatan yang tidak beradab.

5

ADAB MENGETUK PINTU

Anak-anak perlu dididik untuk tidak mengetuk pintu dengan kasar atau kuat tatkala berkunjung ke rumah orang. Perbuatan itu bukan sahaja dianggap tidak beradab tetapi turut mengundang kemarahan tuan rumah. Justeru, ajarlah anak untuk memberi salam dengan tertib sambil menekan loceng yang tersedia dan bukannya mengetuk pintu dengan kuat sambil menjerit.

